

Isi minyak di pam tidak perlu daftar MySejahtera

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Mana-mana individu yang mengisi minyak di pam tanpa masuk ke kedai dalam stesen minyak, tidak perlu mendaftar melalui aplikasi MySejahtera jika kaedah pembayaran dibuat secara atas talian atau menerusi kad kredit dan debit.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan itu dibuat hasil mesyuarat secara terperinci berhubung prosedur operasi standard (SOP) di stesen minyak.

“Bagi mereka yang isi minyak secara sendirian tanpa melibatkan mana-mana pihak, maka pendaftaran menerusi aplikasi MySejahtera tidak diperlukan,” katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Ismail Sabri menjelaskan, pembayaran atau segala proses pembelian menerusi tingkap di stesen pam minyak juga tidak memerlukan pendaftaran MySejahtera berikutan tiada sentuhan fizikal.

Bagaimanapun, beliau berkata, pendaftaran MySejahtera adalah wajib bagi mereka yang memasuki premis stesen pam minyak bagi sebarang urusan niaga.

“Bagi mereka yang memasuki ke dalam premis perlu daftar MySejahtera atau secara manu-

al, ada bersemuka dengan orang ramai. Sekiranya berlaku sebarang kes, proses untuk kesan kontak rapat boleh dilakukan,” jelasnya.

Pada masa sama, Ismail Sabri berkata, tindakan sama perlu dilakukan melibatkan kawasan fasiliti yang sesak termasuk surau dan juga tandas awam.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan mengambil maklum mengenai situasi ketika ini yang mana kesulitan ibu bapa memandangkan sekolah-sekolah telah ditutup sehingga akhir tahun ini di semua negeri.

Maka, kata beliau, mesyuarat bersetuju untuk memberi kebenaran bekerja dari rumah bagi sektor awam dan sektor industri di negeri-negeri yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

“Seperti pekeliling yang telah diedarkan sebelum ini, bagi sektor awam, jumlah kehadiran adalah maksimum 30 peratus yang akan ditentukan oleh ketua jabatan masing-masing dan surat pekeliling berkaitan hal ini diedarkan kepada semua negeri terlibat.

“Manakala bagi sektor industri, maklumat lanjut akan diumumkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam masa terdekat,” katanya.